

MODUL BERFOKUS SPM 2020

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
(CAWANGAN PULAU PINANG)

SUBJEK : PENDIDIKAN ISLAM

KOD MP : 1223/1

Kertas 1

2 jam

Dua jam

Okt.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
2. **Bahagian A** mengandungi **40** soalan. *Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan.*
3. **Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. *Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Ikat kertas jawapan Bahagian A bersama-sama kertas jawapan Bahagian B.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

SULIT

BAHAGIAN A
[40 markah]
Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.

1 Perbuatan secara halus melalui pertolongan makhluk ghaib untuk memudaratkan manusia ialah

- A khurafat
- B syirik
- C sihir
- D nifak

2 Berikut merupakan hikmah bertaubat bagi individu **kecuali**

- A diampunkan segala dosanya
- B memperoleh ketenangan jiwa
- C termasuk dalam golongan ahli syurga
- D mengembalikan hubungan silaturrahim

3 Hukuman yang dikenakan ke atas pencuri ialah

- A disebat
- B dibuang negeri
- C dipotong tangan
- D dipotong tangan dan kaki secara bersilang

- Al-Quran mempunyai makna zahir dan batin
- Hanya difahami oleh imam mereka sahaja

4 Pernyataan di atas merujuk kepada pandangan

- A Ahli Sunah Waljamaah
- B Syiah Imamiah
- C Syiah Batiniah
- D Khawarij

5 Pilih ciri kesesatan ajaran Bahai.

- A Beriktikad bahawa pengasasnya adalah jelmaan Allah
- B Mendakwa pengasasnya mempunyai sejuta mukjizat
- C Mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah
- D Beriktikad alam ini bersifat qadim

- 6 Hukum penggunaan dadah sebagai campuran ubat-ubatan untuk menyelamatkan nyawa manusia adalah
- A sunat
B harus
C makruh
D haram
- 7 Antara yang berikut yang manakah pegangan Syiah Imamah?
- A Menolak semua hadis yang bukan diriwayatkan oleh Ahlul Bait
B Menghalalkan beberapa kemungkaran seperti minum arak
C Membataskan sumber syariat hanya kepada al-Quran
D Menganggap pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran
- 8 Manakah yang berikut merupakan rukun hutang?
- I Tempoh atau masa berhutang
II Penerima dan pemberi hutang
III Barang yang diberi hutang
IV Akad pemberian hutang
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 9 Bermalam di Mina pada hari-hari Tasyrik merujuk kepada tarikh
- A 8, 9 dan 10 Zulhijjah
B 9, 10 dan 11 Zulhijjah
C 10, 11 dan 12 Zulhijjah
D 11, 12 dan 13 Zulhijjah
- 10 Berikut adalah kifarah zihar **kecuali**
- A menyembelih seekor unta
B memerdekakan seorang hamba mukmin
C suami berpuasa dua bulan berturut-turut
D memberi makan kepada 60 orang fakir miskin
- 11 Golongan perempuan yang haram dikahwini selama-lamanya disebabkan persemendaan ialah
- A adik beradik perempuan seibu sebapa
B anak tiri apabila disetubuhi ibunya
C anak perempuan dan ke bawah
D anak saudara daripada adik beradik seibu sebapa

12. Berikut ialah akibat lian **kecuali**
- suami dan isteri terfasakh serta merta
 - suami boleh berkahwin semula dengan bekas isterinya
 - suami yang membuat tuduhan terlepas dari hukuman qazaf
 - isteri berhak menuntut nafkah anak jika suami tidak menafikan nasabnya
13. Wali mujbir terdiri daripada
- bapa dan datuk sebelah ibu
 - bapa dan datuk sebelah bapa
 - bapa dan anak lelaki sebelah bapa
 - bapa dan anak saudara lelaki sebelah bapa
14. Hukum mengadakan walimatul urus ialah
- wajib
 - sunat
 - fardu ain
 - sunat muakad
15. Jemaah haji disunatkan mandi **kecuali** ketika
- berniat ihram di miqat
 - memasuki Kota Mekah
 - wukuf di Padang Arafah
 - melontar jamrah di Mina
16. Saidina Hasan bin Ali radiallahuanhu telah menyerahkan jawatan khalifah kepada Muawiyah dengan syarat berikut **kecuali**
- mestilah memerintah berdasarkan al-Quran dan al-Sunah
 - melaksanakan perluasan kuasa untuk menyebarkan Islam
 - pemilihan jawatan khalifah selepasnya dibuat menerusi Majlis Syura
 - sentiasa menghormati dan memuliakan keluarga Nabi Muhammad SAW
17. Hasil karya Imam Abu Hanifah ialah
- al-Faraid
 - al-Muwatok
 - al-Risalah
 - al-Musnad


18 Pilih mesej islah yang diperjuangkan oleh Syeikh Tahir Jalaluddin.

- I Menolak amalan taklid buta
- II Menjauhi pengaruh negatif dari luar khususnya barat
- III Mempelajari pelbagai ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah
- IV Membina perpaduan melalui gagasan al-Jamiah Islamiah

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

19 Manakah di antara berikut merupakan faedah rekreasi dari aspek psikologi?

- A Menguatkan stamina
- B Mengeluarkan peluh
- C Menenangkan fikiran
- D Memupuk perpaduan



20 P dalam rajah di atas ialah sumber

- A berfikir
- B berzikir
- C berjihad
- D berselawat

Soalan 21 hingga soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

21 Berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hati tetap kufur kepada Allah SWT ialah pengertian _____.

22 Hukuman terhadap peminum arak ialah _____.

23 Nama Ahli Sunah Waljamaah dimasyhurkan oleh _____.


SULIT

- Beriktikad bahawa pelaku dosa besar adalah kafir
- Mengkafirkan dan menghalalkan darah semua umat Islam yang berbeza iktikad
- Menerima al-Quran sebagai sumber dan menolak hadis


- 24 Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan _____.
- 25 Riba _____ ialah pertambahan yang diperolehi kerana menangguhkan tempoh bayaran.

- Memberi nasihat dengan penuh hikmah
- Memisahkan tempat tidur
- Memukul dengan tujuan mendidik

- 26 Pernyataan di atas menerangkan adab yang disarankan oleh Islam untuk mendidik isteri yang _____.




- 27 Q dalam rajah di atas ialah _____ melontar.
- 28 Dalam ibadat haji simbol membersihkan diri daripada sifat-sifat tercela adalah merujuk kepada hikmah _____.



- 29 R dalam rajah di atas ialah _____.
- 30 Tempoh idah bagi perempuan yang kematian suami ialah _____.

Soalan 31 dan soalan 32 berdasarkan rajah di bawah.




31 S dalam rajah di atas ialah _____.

32 T dalam rajah di atas ialah _____.

33 Harta yang diperolehi daripada orang bukan Islam melalui peperangan ialah _____.

Sumber hukum yang digunakan oleh Imam Abu Hanifah radiallahuanhu




34 U dalam rajah di atas ialah _____.

Berdasarkan Undang-Undang Tanah yang digubal, semua tuan tanah dikehendaki bercucuk tanam. Jika tanah tersebut terbiar lebih dari tiga tahun, kerajaan berhak mengambil semula tanah tersebut.

35 Berdasarkan pernyataan di atas, khalifah yang bertanggungjawab memperkenalkan dasar tersebut ialah _____.

Bermusafir untuk menyaksikan pesta maksiat.

36 Hukum bermusafir bagi situasi di atas adalah _____.




37 V dalam rajah di atas ialah _____.

38 Mengajak, menyuruh atau menyeru seseorang supaya melakukan kebaikan dinamakan _____.

39 Ibadat akikah afdal dilakukan pada hari _____ selepas kelahiran bayi.

40 Orang yang bermusafir diberikan kelonggaran melakukan solat secara _____.



BAHAGIAN B

[60 markah]

Jawab tiga soalan

Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada soalan 3 atau soalan 4.

- 1 (a) (i) Nyatakan hukuman ke atas pesalah berikut; [1 markah]
- (a) Penzina muhsan [1 markah]
- (b) Penzina ghairu muhsan [1 markah]
- (ii) Mengapakah Islam mengenakan hukuman yang berat terhadap penzina? [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud arak? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua kesan minum arak. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud Ahli Sunah Waljamaah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua prinsip akidah Ahli Sunah Waljamaah. [4 markah]
- (iii) Jelaskan perbezaan pandangan Ahli Sunah Waljamaah dengan Khawarij mengenai pelaku dosa besar. [2 markah]
- 2 (a) (i) Nyatakan dua syarat sah sai. [2 markah]
- (ii) Apakah iktibar yang dapat diambil daripada ibadat sai? [2 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud saham. [2 markah]
- (ii) Kemukakan pendapat anda tentang kepentingan saham. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan dua tanggungjawab suami kepada isteri. [2 markah]
- Pengabaian tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak sering dipaparkan di media massa.
- (ii) Bincangkan kesannya. [4 markah]
- (d) (i) Apakah maksud khuluk? [2 markah]
- (ii) Terangkan dua hikmah di syariatkan khuluk. [4 markah]

3 (a) Saidina Usman bin Affan radiallahuanhu banyak menyumbang harta dan kekayaan untuk pertahanan negara.

(i) Jelaskan dua sumbangan beliau selain di atas. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua polisi pentadbiran beliau. [4 markah]

(b) HAMKA adalah tokoh islah nusantara.

(i) Nyatakan dua sifat peribadi beliau yang boleh anda contohi dalam proses menuntut ilmu. [2 markah]

(ii) Jelaskan sumbangan beliau dalam bidang ilmu dan pemikiran. [2 markah]

(c) (i) Nyatakan dua cara beradab dengan Rasulullah SAW. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua hikmah beradab dengan Rasulullah SAW. [4 markah]

(iii) Bagaimanakah cara mendidik remaja agar menghayati sirah Rasulullah SAW? [4 markah]

4 (a) (i) Nyatakan dua sumbangan Abu al-Abas Abdullah al-Safah. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua faktor penyebaran Islam zaman Abasiyah. [4 markah]

(b) (i) Nyatakan dua karya Imam Ahmad bin Hanbal radiallahuanhu. [2 markah]

(ii) Jelaskan sebab beliau digelar al-Hakim. [2 markah]

(c) (i) Nyatakan maksud amanah dalam perniagaan. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua contoh amanah dalam perniagaan. [4 markah]

(iii) Mengapakah Islam menggalakkan umatnya menceburi aktiviti perniagaan? [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT